

SOALAN NO: 18

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO
[KLANG]**

TARIKH : 1 NOVEMBER 2016

SOALAN :

YB TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO [KLANG] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan status terkini pelaksanaan (implementation) dasar "*plain packaging*" di Malaysia. Mengapakah Kerajaan belum lagi membuat pelaksanaan selepas pengumuman oleh Timbalan Pengarah Kementerian Kesihatan pada bulan Februari 2016.

Tuan Yang di-Pertua,

"*Plain packaging*" merupakan implemintasi yang menghadkan penggunaan warna, imej atau gambaran yang boleh dilihat sebagai satu bentuk tarikan atau bentuk pengiklanan selaras dengan Artikel 11 dan Artikel 13 WHO FCTC.

Perlaksanaan "*plain packaging*" memerlukan pindaan kepada undang-undang sedia ada, dan ia juga melibatkan undang-undang perdagangan antarabangsa. Memandangkan rokok dan produk tembakau merupakan satu komoditi dagangan, oleh itu satu perancangan yang teliti perlu dibuat dan akan mengambil masa sebelum pelaksanaannya. KKM sentiasa mengingatkan masyarakat agar menjauhi rokok dan produk tembakau.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' HAJI AHMAD NAZLAN BIN IDRIS
TARIKH : 1.11.2016
SOALAN : NO. 19

Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan tindakan yang diambil untuk membantu pelajar-pelajar luar negara khususnya di Mesir yang tidak mampu untuk membayar yuran dan menanggung kos sara hidup yang meningkat memandangkan bantuan sedia ada adalah tidak mencukupi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat beberapa kategori pelajar yang mengikuti pengajian di luar negara sama ada mendapat penajaan daripada agensi pusat, Kerajaan Negeri atau Syarikat Berkaitan Kerajaan serta secara persendirian. Walau bagaimanapun, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) memandang serius dan mengambil berat kebajikan semua pelajar Malaysia di luar negara termasuklah di Mesir.

Berhubung krisis pelajar di Mesir yang menghadapi masalah tunggakan yuran pengajian seperti yang dilaporkan baru-baru ini, KPT telah mengambil tindakan segera dengan menghantar pegawai ke Mesir, yang diketuai oleh YBhg Dato' Kamel bin Mohamad, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan). Misi ini bertujuan mendapatkan fakta pelajar Malaysia yang memerlukan bantuan dan universiti mereka agar bantuan dapat diselaraskan dengan kadar segera.

Susulan perkara itu, KPT dengan kerjasama Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) telah melancarkan Tabung Pendidikan Pelajar Malaysia pada 7 Oktober 2016. Kutipan tabung ini mensasarkan kepada pihak kerajaan pusat dan negeri, badan-badan korporat, serta individu yang berminat untuk membantu. Sumbangan ini mampu membantu pelajar di Mesir untuk meneruskan pengajian dan memberi kelegaan kepada ibu bapa yang ketika ini risau tentang masa depan anak-anak mereka.